

ETR 300

RANCANGAN PERNIAGAAN

Esprit de' Corps Sdn. Bhd

Lot 1, Kawasan Perindustrian Gurun,
08800, Gurun, Kedah Darul Aman.

Disediakan oleh:

Abd Razak B. Hussin
95343178

Mohd Azizul B. Mohamed
95716253

Mohd Syamsuri B. Hj. Ahmad
95681966

Mohd Faisakhairizal B. Jumah
95760552

Noorhayati Bt. Omar
95603073

ISI KANDUNGAN

Tajuk	
Surat Pengesahan	
Surat Penyerahan	i
Penghargaan	iii
Logo Syarikat	iv
• Pengertian Logo	v
• Pengertian nama syarikat	vi
Sinopsis	vii
Pengenalan	1
Tujuan Rancangan Perniagaan	3
Latar Belakang Syarikat	4
• Nama dan alamat pemegang saham	5
Latar belakang pemilik syarikat	6
Latar belakang projek cadangan	11
• Pelan lokasi	13
Rancangan Pentadbiran	
• Pengenalan Organisasi	14
• Carta Organisasi	16
• Jadual jawatan dan bilangan tenaga pekerja	17
• Jadual huraian tugas	18
• Imbuhan balas jasa	22
• Insentif pekerja	23
• Rancangan keperluan pejabat	25
• Belanjawan organisasi	26
• Pelan pejabat	27
Rancangan Pemasaran	
• Analisis pasaran	
• Bentuk pasaran	28
• Saiz pasaran	28
• Barangan	29
• Pelanggan	30
• Persaingan	31
• Kekuatan pesaing	32
• Kelemahan pesaing	33
• Ramalan Jualan	34
• Syer pasaran	37
• Strategi pemasaran	38
• Strategi Barangan	40
• Strategi harga	41
• Strategi promosi	42
• Perbelanjaan pemasaran	43

Rancangan Operasi	
• Pengenalan	44
• Carta aliran proses	45
• Kaedah pemerosesan Ring, Filler dan Hoop	46
• Kaedah pemeriksaan	
• Unit pengeluaran	47
• Rancangan pengeluaran	48
• Keperluan bahan	49
• Tenaga pekerja	
• Senarai lain-lain pekerja	50
• Senarai jawatan, tanggungjawab dan huraian tugas	51
• Mesin dan peralatan	54
• Senarai perabot dan alat kelengkapan kilang	56
• Susun atur ruang operasi	58
• Lokasi	59
• Overhead operasi	60
• Perbelanjaan operasi	61
Rancangan Kewangan	
• Pengenalan	62
• Kos pelaksanaan projek	63
• Sumber pembiayaan projek	64
• Jadual bayaran balik pinjaman	65
• Jadual bayaran balik sewa beli	66
• Jadual susut nilai aset tetap	67
• Proforma penyata aliran tunai bagi tahun 2001, 2002 dan 2003	85
• Proforma penyata perkilangan	86
• Proforma penyata perdagangan untung dan rugi	87
• Proforma kunci kira-kira	91
• Penyata pengiraan kos tetap dan kos berubah	95
• Pengiraan titik pulang modal	96
Rumusan	97
Jadual pelaksanaan projek	98
Lampiran	

SINOPSIS.

Esprit de' Corps Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang baru dan kegiatan utama syarikat ini adalah mengeluarkan dan membekal gasket bagi kegunaan industri petroleum, gas dan petrokimia. Ini terjadi memandangkan tumbuhnya industri petroleum, gas dan petrokimia yang begitu pesat bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan. Esprit de' Corps Sdn. Bhd. merupakan satu-satunya syarikat tempatan di Malaysia yang menjalankan aktiviti pengeluaran gasket di mana sebelum ini ianya hanya dikuasai oleh pengeluar luar negara.

Pengenalan

Esprit de' Corps Sdn. Bhd. dijangkakan akan memulakan operasi pada 1 Januari 2001 dan kini didalam proses pendaftaran. Ia terletak di Lot 1, Kawasan Perindustrian Gurun, 08800 Kedah Darul Aman.

Modal

Modal permulaan yang diperlukan adalah sebanyak RM1,049,433.00. Modal ini diperolehi daripada sumbangan ahli sendiri iaitu sebanyak RM429,433.00 dan pinjaman berpenggal dari Bank Bumiputera Malaysia Berhad berjumlah RM500,000.00. Pinjaman ini bertujuan untuk membiayai segala perbelanjaan yang terlibat dalam memajukan perniagaan ini.

Aspek Pemasaran

Esprit de' Corps Sdn. Bhd. meramalkan bahawa pemasarannya akan menguasai sebanyak 6% daripada jumlah syer pasaran dimana kesemua produk yang dihasilkan akan terus dibekalkan kepada pelanggan-pelanggan kami iaitu Petronas, Shell dan Esso melalui program pembekal (vendoring program). Oleh yang demikian, syarikat tidak akan mengalami sebarang masalah seperti terdapat lebih stok barangan siap. Selain daripada itu, harga yang ditawarkan kepada pelanggan adalah berpatutan jika dibandingkan dengan produk yang diimport dari luar negara, memandangkan pihak syarikat begitu mengambil berat dan prihatin tentang mutu gasket yang dikeluarkan dan piawai yang telah ditetapkan oleh badan-badan piawaian antarabangsa.

Aspek Pengeluaran

Esprit de' Corps Sdn. Bhd. menganggarkan bahawa syarikat boleh membekalkan sebanyak 15,000 unit gasket dalam jangkamasa 26 hari. Ini bermakna lebih kurang 577 unit gasket boleh dihasilkan oleh 13 orang tenaga kerja didalam sehari. Pengeluaran gasket sebanyak 15,000 unit ini adalah merupakan pengeluaran pada tahun pertama operasi dimana mesin-mesin hanya akan memenuhi 60% kapasiti pengeluaran. Selain daripada itu, pengeluaran gasket bagi tahun 2001 ini dijangka akan tetap sepanjang tahun memandangkan syarikat hanya akan menghadkan pengeluarannya mengikut kehendak yang telah ditetapkan oleh pelanggan-pelanggannya melalui program pembekal (vending program).

Aspek Pengurusan

Pengurusan yang cekap dan adil merupakan aspek utama didalam menjayakan sesebuah perniagaan. Tanpa pengurusan yang baik, perjalanan syarikat dan sistem komunikasi diantara pihak atasan dan pekerja-pekerjanya tidak akan dapat berjalan dengan lancar. Apabila ini terjadi, sudah tentulah ia akan menjejaskan nama baik syarikat dimata khalayak ramai dan secara tidak langsung akan hilanglah keyakinan pelanggan terhadap Esprit de' Corps Sd, Bhd.. Maka, adalah menjadi tugas anggota-anggota syarikat memastikan bahawa pekerja-pekerja mendapat layanan yang baik dan insentif-insentif seperti cuti sakit, bonus, cuti tahunan, KWSP dan lain-lain disediakan agar tidak berlaku sebarang masalah ketidakpuasan hati.

Aspek Kewangan

Esprit de' Corps Sdn. Bhd. begitu mementingkan aspek kewangan memandangkan ianya merupakan kunci keatas kejayaan sesebuah syarikat. Pengurusan kewangan yang cekap dapat mengelakkan sebarang masalah seperti pecah amanah, kecurian, pembaziran, jenayah kolar putih dan sebagainya. Selain daripada itu, ia dapat memastikan kedudukan kewangan syarikat setiap tahun dan sejauh manakah aliran keluar masuk wang tunai dikendalikan. Jika terdapat sebarang masalah, maka syarikat boleh bertindak secepat mungkin agar ia tidak akan menjejaskan pengeluaran dan pemasaran produk yang dihasilkan oleh syarikat.